

# Bumiputera diingat jangan dibelenggu kejayaan segera

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan, perniagaan bumiputera tidak akan maju selagi mereka membiarkan diri dibelenggu oleh keinginan untuk mencapai kejayaan dengan segera tanpa mematuhi peraturan dan tidak menyesuaikan modal dengan jenis perniagaan.

Perdana Menteri berkata, usahawan bumiputera memang berkebolehan tetapi mereka sering gagal dalam perniagaan kerana mencuburi perniagaan yang tidak bersesuaian dengan modal yang dimiliki.

“Kalau ada modal RM10,000, mereka akan memasuki perniagaan yang memerlukan modal RM100,000, jadi sampai bila pun mereka tak akan mempunyai modal yang diperlukan.

“Ini juga akan menyebabkan mereka meng-

ambil jalan mudah dan melanggar peraturan yang ditetapkan. Mereka perlu tahu bahawa kejayaan yang dicapai dalam perniagaan mengambil masa yang panjang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berdialog selama tiga jam dengan wakil-wakil persatuan perdagangan dan industri anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, tindakan sedemikian juga menyebabkan sesetengah usahawan bumiputera sering berhutang dan menjual perniagaan mereka kepada pihak lain.

“Jika kedua-dua sikap ini boleh dikikis, kita boleh maju dalam perniagaan dan saya cagak ini berdasarkan pengalaman,” katanya.